

**FAKTOR KOMITMEN PASUKAN KERJA DAN KESANNYA TERHADAP PRESTASI
PASUKAN KERJA :**

PENDIDIKAN YPJ JOHOR BAHRU



INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMI)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

40450 SHAH ALAM, SELANGOR

MALAYSIA

OLEH :

NOR FAZLIN BINTI UTEH

ZULIANA BINTI ZOOLKEFLI

JUN 2012

ISI KANDUNGAN

1. Surat Penyerahan Laporan	iii
2. Surat Tawaran (Geran Penyelidikan)	iv
3. Penghargaan	v
4. Perubahan Tajuk dan Objektif Kajian	vi
5. Laporan	1
5.1 Cadangan Ringkasan Eksekutif	1
5.2 Ringkasan Eksekutif	2
5.3 Pengenalan	14
5.4 Kajian Literatur	15
5.5 Metodologi	33
5.6 Keputusan dan Perbincangan	40
5.7 Kesimpulan dan Cadangan	53
5.8 Rujukan/Bibliografi	61
6. Hasil Penyelidikan	69
7. Lampiran	70

3 Penghargaan

Alhamdulillah, dengan segala usaha yang dinamik melalui kerja berpasukan kami akhirnya dapat menyiapkan kajian ini.

Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana memberi kami kekuatan dan keazaman untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Terima kasih juga kepada Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI) yang telah meluluskan geran ini dan memberi kepercayaan untuk kami menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali tidak dilupakan juga jutaan terima kasih kepada orang yang tersayang, keluarga dan kawan-kawan atas berkat sokongan, kasih sayang dan persefahaman mereka kepada kami selama ini.

4 Perubahan Tajuk dan Objektif Penyelidikan

Dalam kajian ini, pengkaji telah melakukan perubahan tajuk dimana sebelum ini responden kajian ialah di Hospital Besut, Terengganu, walaubagaimanpun atas beberapa faktor pengkaji telah menukar responden iaitu kajian telah dijalankan di Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor Bahru (YPJ). Ini kerana sebelum ini pihak hospital tidak memberikan maklum balas kepada pengkaji.

5 Laporan

5.1 Cadangan Ringkasan Eksekutif

Beban kerja yang banyak dan konflik yang berlaku dalam pasukan kerja boleh menyebabkan pekerja hilang tumpuan terhadap tugas yang akhirnya boleh mengakibatkan kesilapan dalam tugas.. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti hubungan faktor komitmen terhadap prestasi pasukan kerja responden yang dikaji dan mengenalpasti faktor-faktor komitmen pasukan kerja yang paling kuat mempengaruhi prestasi pasukan kerja. Seramai 150 orang responden akan terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pekerja di Kumpulan Yayasan Pendidikan Johor Bahru (YPJ). Pembolehubah bebas dalam kajian ini terdiri daripada faktor komitmen pasukan kerja, iaitu faktor individu dan faktor pasukan. Faktor individu mempunyai 3 elemen seperti ganjaran dan layanan, perubahan kerja serta jaminan kerja dan masa depan. Faktor pasukan pula mempunyai lima elemen seperti matlamat yang jelas, kepimpinan yang efektif, komunikasi berkesan, keterlibatan dalam membuat keputusan dan keterlibatan dalam menyelesaikan masalah. Manakala pembolehubah bersandar pula terdiri daripada prestasi pasukan kerja. Kajian ini menggabungkan teori beberapa orang sarjana. Kajian ini akan dianalisis menggunakan Ujian Korelasi Pearson dan Regresi Berganda. Hasil kajian akan dapat melihat samada terdapat hubungan yang signifikan antara komitmen dan prestasi pasukan kerja di organisasi berkenaan dan memberikan gambaran terhadap prestasi organisasi secara amnya. Dapatan ini dapat dijadikan panduan kepada organisasi kajian untuk meningkatkan komitmen pasukan kerja mereka juga dapat mengembangkan lagi bidang pengurusan pasukan kerja.